

# INSTITUSI ILMU DALAM KERJA SOSIAL

Munif Zarirruddin Fikri b. Nordin

## PENGENALAN

DARIPADA kaca mata Islam, ilmu memainkan peranan penting dalam segala aspek kehidupan manusia. Islam memerintahkan umatnya mencari sebanyak mungkin ilmu pengetahuan agar kelangsungan hidup mereka sebagai manusia di bumi ini benar-benar mampu memenuhi ciri-ciri kepentingan biologi manusia sebagai khalifah Allah. Islam menyuruh umatnya menjadi umat yang berbudayakan ilmu dan meletakkannya sebagai mekanisme terpenting dalam mengangkat martabat menjadi *umatan wasatan* yang mampu membina kecemerlangan tamadun manusia.

Dalam tamadun Islam, ilmu merupakan institusi penting yang mempengaruhi pembentukan dan perkembangan tamadun tersebut. Pengaruh institusi ilmu ini dapat dilihat daripada dua sudut iaitu pertama, ilmu sebagai proses dan keduanya ilmu sebagai objek dalam pembentukan dan perkembangan tamadun Islam.

Sehubungan dengan itu dalam dimensi yang lebih khusus, institusi ilmu juga turut dilihat mempengaruhi disiplin kerja sosial. Berjaya atau gagal sesuatu perkara yang dilakukan umpamanya banyak bergantung kepada ilmu yang dimiliki oleh individu yang terlibat dengan kerja sosial kerana ilmu menjadi ciri utama yang mempengaruhi penampilan, personaliti, kandungan, strategi dan

sasaran kerja sosial. Makalah ini cuba membincangkan sistem, nilai dan proses yang terkandung di dalam institusi ilmu dalam konteks hubungannya dengan kerja sosial berdasarkan nas-nas al-Quran dan hadis.

## Institusi Ilmu

Ilmu-ilmu Islam sama ada ilmu naqli (bersumberkan wahyu) ataupun ilmu 'aqli (bersumberkan akal) sepanjang sejarah ketamadunannya memperlihatkan keutuhan dan kemantapan perkembangan dan pengembangannya di bawah satu institusi rabbani sesuai dengan manifestasinya yang suci. Menurut Hasan Langgulung:<sup>1</sup>

*“Perkembangan dan pengembangan ilmu-ilmu Islam banyak bergantung kepada sistem pendidikan yang meliputi pendidikan formal dan tidak formal yang memungkinkan penggalakan dan pemindahan pengetahuan dalam semua bentuk. Sistem pendidikan yang demikian sifatnya adalah berdasarkan konsep Islam tradisional tentang pengetahuan dan pendidikan. Pertama sekali ia menekankan ilmu-ilmu agama tetapi mencakupi semua bentuk pengetahuan lain. Islam memandang pengetahuan (ilmu) sebagai sesuatu yang suci kerana semua ilmu pengetahuan adalah manifestasi Tuhan kepada manusia. Pandangan yang suci tentang pendidikan inilah yang mewarnai keseluruhan sistem pendidikan Islam sehingga ke hari ini, menyebabkan tidak pernah wujud pemisahan tempat dan waktu antara mana-mana organisasi atau institusi khas agama seperti masjid, pusat-pusat dan tempat-tempat suci yang dijalankan dengan wakaf”.*

Sejarah telah membuktikan bahawa zaman kegemilangan Islam institusi ilmu Islam menjadi mantap dan kukuh kerana individu dan masyarakat Islam ketika itu menjadikan budaya ilmu sebagai budaya mereka. Menurut Wan Mohd. Nor<sup>2</sup> budaya ilmu ialah:

*“... kewujudan satu keadaan yang setiap lapisan masyarakat melibatkan diri, baik secara langsung mahupun tidak langsung, dalam kegiatan keilmuan bagi setiap kesempatan. Budaya ilmu juga merujuk kepada kewujudan satu keadaan yang segala tindakan manusia baik di tahap individu, apatah lagi di peringkat masyarakat, diputuskan dan dilaksanakan berdasarkan ilmu pengetahuan sama ada melalui pengkajian mahupun syura. Dalam budaya ini ilmu dianggap sebagai satu keutamaan tertinggi dalam sistem nilai peribadi dan masyarakat di setiap peringkat. Sehubungan dengan ini budaya tersebut dalam diri individu dan institusi berpengaruh dalam masyarakat akan memberi keutamaan, bantuan, kemudahan dan pengiktirafan yang tinggi kepada sesiapa atau institusi yang melibatkan diri mencari dan menyebarkan ilmu pengetahuan. Selain itu budaya ilmu, baik dalam diri peribadi atau masyarakat juga mempunyai ciri yang tidak mengiktiraf sifat jahil, bebal dan antiilmu. Diri dan masyarakat berbudaya ilmu akan menolak dan membenci pandangan, pernyataan serta amalan yang tidak berasaskan ilmu dan kebenaran, tanpa mengira kedudukan atau warna kulit pelakunya.”*

Institusi ilmu dan pendidikan yang pertama dalam Islam ialah rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam. Guru agung yang pertama ialah Nabi Muhammad s.a.w yang mengumpulkan sekumpulan kecil para pengikut yang percaya kepada baginda secara diam-diam dan baginda mengajar kumpulan kecil ini ayat-ayat al-Quran.<sup>3</sup>

Institusi ilmu Islam bukanlah institusi beku, tetapi fleksibel, berkembang dan menurut kehendak waktu dan tempat. Institusi ilmu kedua ialah masjid diikuti dengan kuttab (mungkin sama dengan pondok), dar al-hikmah, istana khalifah, perpustakaan, madrasah<sup>4</sup> dalam bentuk tradisional sehinggalah kepada institusi pengajian tinggi seperti kolej dan universiti dalam era moden. Kaedah pembelajaran dan pengajaran tradisional yang diamalkan juga merencanakan kegiatan keilmuan; antaranya berbentuk *halaqah* (bulatan), perbincangan-perbincangan ulama dan kuliah-kuliah.<sup>5</sup>

## Nilai dan Pengaruh Ilmu

Pembangunan dan kemajuan sesebuah masyarakat berkait rapat dengan penguasaan individu-individu masyarakat tersebut terhadap ilmu. Al-Quran telah memaparkan kepada kita dalam kisah Nabi Adam a.s ketika diangkat sebagai khalifah bagaimana para malaikat akhirnya tunduk dan sujud kepada baginda lantaran ilmu yang dimilikinya setelah diajar oleh Allah S.W.T. Al-Quran juga membentangkan kepada kita kisah bagaimana Nabi Muhammad s.a.w dalam peristiwa penurunan ayat pertama telah diperintahkan oleh Allah S.W.T supaya membaca sebagai isyarat baginda akan dibekalkan ilmu. Daripada ayat pertama tersebut, penekanan kepada pembacaan sebagai wahana penting dalam usaha keilmuan, dan pengiktirafan Allah S.W.T sebagai sumber tertinggi ilmu pengetahuan manusia merupakan perkara awal yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad s.a.w yang ummi.<sup>6</sup>

Ilmu adalah teras sistem nilai (*axiology*) agama Islam dan menduduki tempat yang amat tinggi. Justeru itu, Islam telah meletakkan nilai terhadap umatnya yang mempunyai ilmu pengetahuan sama ada nilai status-quo dalam menentukan kelebihan, keistimewaan dan darjat manusia, malaikat serta iblis dan manusia sesama manusia, atau nilai tanggungjawab manusia lelaki dan wanita, mahupun nilai keabadian manusia muda dan tua. Di samping itu, terdapat juga beberapa nilai lain yang dapat dikutip daripada nas-nas al-Quran, antaranya:<sup>7</sup>

1. Nilai mutlak iaitu nilai kebenaran yang sebenar-benarnya disingkap, dibuktikan dan dipertanggungjawabkan melalui ilmu seperti maksud firman Allah:  
*“Dan janganlah berbicara tentang sesuatu yang kamu tidak ketahui. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan akal fikiran semuanya diminta pertanggungjawab di sisi Tuhan”*.<sup>8</sup>
2. Mekanisme martabat manusia dan bangsa. Firman Allah S.W.T  
*“Katakanlah! Apakah sama darjat orang-orang yang berilmu dengan orang-orang yang tidak berilmu?”*<sup>9</sup>

*“Tuhan mengangkat darjat orang-orang yang beriman dan yang mempunyai ilmu pengetahuan kepada beberapa darjat”*.<sup>10</sup>

3. Kesaksian daripada ahli ilmu dan para sarjana diperakui dan diiktiraf dalam Islam. Firman Allah S.W.T:

*“Tuhan memberi kesaksian bahawa tiada Tuhan selain Allah. Begitu juga kesaksian segala malaikat dan segenap ahli ilmu yang tegak dengan keadilan”*.<sup>11</sup>

4. Orang yang tidak berilmu tertutup hatinya. Firman Allah S.W.T:  
*“Demikianlah Allah menutup hati orang-orang yang tidak berpengetahuan”*.<sup>12</sup>

Daripada nilai-nilai yang dinyatakan tadi, jelas orang yang berilmu mempunyai pemikiran, pertimbangan, tindakan, penampilan, tingkah laku dan pertuturan yang berbeza dengan orang yang tidak berilmu. Malahan darjat dan kedudukan orang yang berilmu dengan orang yang tidak berilmu amat jauh perbezaannya. Tingginya darjat dan kedudukan yang diberikan oleh Allah S.W.T sebenarnya mengandungi signifikan-signifikan yang tersendiri. Tingginya darjat orang yang berilmu adalah setimpal dengan tanggungjawab yang mereka pikul. Allah S.W.T memberikan ingatan dan amaran kepada orang yang berilmu agar tidak menyembunyikan kebenaran yang mereka ketahui. Oleh itu mereka wajib menjelaskan apa yang mereka ketahui tentang agama Islam kepada orang lain. Allah berfirman:

*“Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa yang telah Kami turunkan berupa keterangan-keterangan (yang jelas) dan petunjuk setelah Kami terangkannya kepada manusia di dalam al-Kitab; mereka itu dilaknati Allah dan dilaknati (pula) oleh semua (makhluk) yang dapat melaknati \* Kecuali mereka yang telah bertaubat dan melakukan perubahan dan menerangkan (kebenaran); maka itulah Aku terima taubat mereka; dan Akulah Yang Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang”*.<sup>13</sup>

Kesimpulannya, nilai paling penting yang harus dimiliki oleh

seseorang atau sesebuah masyarakat ialah nilai yang meletakkan ilmu sebagai kebaikan utama dan asas bagi segala kebaikan lain. Nilai mementingkan ilmu sebagai kebaikan utama, sumber segala kebaikan telah melahirkan sikap memberatkan pendidikan sebagai kaedah utama.<sup>14</sup> Jelas bahawa nilai dan pengaruh ilmu dalam konteks kerja sosial memang merupakan suatu hakikat yang diperakui oleh Islam kerana ilmu merupakan asas dan dasar pembangunan sosial dan kemajuan individu serta masyarakat.

## Hierarki Ilmu

Islam meletakkan kepentingan penguasaan ilmu dalam semua aspek sama ada yang bersifat dunia dan akhirat mahupun yang bersifat ketuhanan, kemanusiaan dan kemasyarakatan. Justeru dalam hierarki ilmu menurut perspektif Islam, terdapat nilai mutlak atau nilai utama. Yang dimaksudkan dengan nilai di sini ialah wujud asas ilmu di antara sekian banyak ilmu. Dengan kata lain, wujud satu disiplin ilmu induk yang mengikat disiplin-disiplin ilmu yang lain.

Oleh kerana itu, terdapat dua pengelasan ilmu yang cukup sesuai dan praktikal yang mesti dilalui dan dipelajari dalam institusi ilmu Islam. Pertama ialah ilmu fardu ain dan kedua ilmu fardu kifayah. Pengelasan hierarki kepada dua ilmu ini tidak boleh disifatkan sebagai manifestasi dualisme, malah kedua-duanya memang tidak boleh dipisahkan.<sup>15</sup>

Ilmu fardu ain ialah ilmu yang mempunyai hubungan dengan kepercayaan kepada rukun iman iaitu Allah, Rasul-Nya, malaikat-Nya, Hari kiamat, kitab Allah serta qada' dan qadar Allah, dan mempelajarinya adalah wajib ke atas setiap lelaki dan wanita Islam. Ilmu fardu kifayah pula merujuk kepada ilmu yang dipelajari oleh sebahagian orang Islam untuk memenuhi keperluan sebahagian orang Islam yang lain dan mempelajarinya tidak menjadi kewajipan ke atas setiap individu muslim. Namun harus diingat, jika ilmu fardu kifayah ini diabaikan, masyarakat akan menjadi kucar-kacir, mundur, dilanda pelbagai penyakit, dipermainkan dan ditindas oleh masyarakat lain.<sup>16</sup>

Dalam tradisi institusi pendidikan dan keilmuan Islam tahap

pertama yang mesti dilalui ialah mempelajari ilmu fardu ain terlebih dahulu sebelum menempuh tahap kedua iaitu ilmu fardu kifayah kerana ilmu dalam tahap pertama menjadi matlamat, asas dan dasar bagi tahap yang kedua. Sehubungan dengan ini, apa jua disiplin ilmu yang dipelajari sama ada cabang ilmu fardu ain sendiri atau ilmu fardu kifayah matlamatnya adalah sama iaitu untuk mentauhidkan Allah.

Dari perspektif ilmu dakwah pula, Hamka<sup>17</sup> melihat kedua-dua hierarki tersebut melalui lima perbincangan ilmu yang perlu dijadikan kandungan pendakwahan iaitu:

1. menjelaskan aqidah Islam
2. menjelaskan risalah Muhammad
3. menjelaskan perjuangan sunnah Rasulullah s.a.w
4. menjelaskan sirah para sahabat dan tabi'in
5. menjelaskan haluan dan matlamat hidup umat Islam

## Ilmu Sebagai Asas Kerja Sosial

Dalam pelaksanaan kerja-kerja sosial, setelah melalui tahap ilmu yang pertama iaitu mengenali Allah, rasul-Nya, kitab-Nya, malaikat-Nya, hari kiamat serta qada' dan qadar, dan setelah menguasai ilmu-ilmu fardu kifayah yang sekian luas disiplinnya, maka para aktivis kerja sosial perlu beramal dengan ilmunya itu. Dalam perbincangan ini, ilmu sebagai asas kerja sosial akan disentuh dengan mendasari empat dasar utama dakwah dengan mengambil kira kerja sosial sebagai sebahagian daripada *applied* dakwah. Keempat-empat dasar yang dimaksudkan ialah kandungan dakwah, pendakwah, sasaran dakwah dan metodologi dakwah.<sup>18</sup>

## Ilmu dan Kandungan Kerja Sosial

Belajar dan mengajar adalah tradisi yang merancak dan menggiatkan kegiatan dan perkembangan keilmuan seperti yang dibuktikan dengan kecemerlangan dan sumbangan tamadun Islam dalam bidang ini. Ia bukan sekadar tradisi malahan merupakan kewajipan setiap orang Islam setiap yang dinyatakan dalam hadis Rasulullah s.a.w.

Justeru itu, perintah menuntut dan mengembangkan ilmu antara lain dapat disempurnakan melalui pendekatan kerja sosial. Dengan maksud yang lebih mudah difahami, belajar dan mengajar ilmu dijadikan sebagai kandungan kerja sosial dengan mengadakan kelas-kelas pengajian ilmu, mengadakan kelas-kelas kemahiran, menyediakan tempat bagi kegiatan ilmu, memberikan sumbangan kepada orang yang belajar ilmu, mengasihi orang yang belajar atau mengajar ilmu dan sebagainya. Dalam hubungan ini, satu pengajaran yang menarik yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w melalui peristiwa penawanan kaum Quraisy dalam Perang Badar ialah apabila baginda mengenakan syarat penebusan kepada mereka yang ingin bebas agar mengajar sepuluh anak-anak Islam di Madinah membaca dan menulis kerana baginda mengetahui benar bahawa baiknya urusan keduniaan dan keakhiratan itu berserta dengan kepandaian, sedang buruknya urusan keduniaan dan keakhiratan itu dengan kejahilan.

### **Ilmu dan Aktivistik Kerja Sosial**

Setiap aktivis kerja sosial wajib mempunyai ilmu yang secukupnya tentang apa yang dituturkan, apa yang dikerjakan dan apa yang ditinggalkan. Apabila ilmu diketepikan, dia tidak akan dapat memahami apa yang diperlukan dan akan melakukan kesilapan. Sebagai contoh, berbicara mengenai Allah dan Rasul-Nya tanpa asas ilmu, bahayanya lebih banyak dari manfaatnya dan risiko melakukan kesilapan dengan menyuruh kepada mungkar dan melarang daripada makruf akan berlaku.<sup>20</sup> Selain dari itu, sifat-sifat dan keperibadian yang baik juga mesti dimiliki oleh setiap pendakwah amnya dan aktivis sosial khususnya. Antara ciri-cirinya ialah:<sup>21</sup>

1. memahami maksud al-Quran dan hadis
2. beramal dengan ilmunya
3. tahan marah (berlapang dada)
4. berani
5. menguasai ilmu-ilmu kemanusiaan dan kemasyarakatan
6. kuat, sihat dan fasih lidah
7. tawaduk (rendah diri)



8. tidak bakhil dengan apa yang dimiliki
9. sabar
10. takwa dan amanah

## **Ilmu dan Golongan Sasaran Kerja Sosial**

Dalam konteks ini, terdapat dua golongan sasaran yang dimaksudkan iaitu; golongan yang berilmu dan golongan yang tidak memiliki banyak ilmu. Golongan sasaran yang pertama ialah golongan penting yang boleh dimanipulasi dari segi strategi dan pendekatan kerana golongan ini selain daripada dapat menerima kebenaran ilmu dengan mudah dapat pula mengembangkan ilmu yang diperolehi kepada orang lain. Manakala golongan sasaran kedua ialah golongan yang menjadi matlamat dan perjuangan dalam kerja sosial lantaran krisis, dilema, penyakit, gejala dan permasalahan sosial yang mereka alami. Mereka adalah mangsa kepada perubahan sosial. Mereka inilah yang memerlukan bantuan, pembelaan, bimbingan, perlindungan dan perhatian. Menurut Mohamad Abu Bakar<sup>22</sup> walaupun tidak dinafikan penglibatan beberapa pertubuhan Islam dan badan-badan dakwah di Malaysia dalam kerja-kerja sosial dan usaha-usaha mengatasi masalah yang dihadapi oleh anggota-anggota masyarakat yang miskin dan terbiar, realiti semasa menunjukkan bahawa kepincangan yang berlaku dalam pengislaman dan pendakwaan adalah disebabkan kurangnya penumpuan kepada permasalahan sosial golongan sasaran, seperti ketidakadilan, kemiskinan dan pembaziran bagi golongan wanita dan penduduk kota.



## **Ilmu dan Metodologi Kerja Sosial**

Muhammad Said Ramadhan al-Butty<sup>23</sup> berpendapat dalam metodologi dakwah, seseorang pendakwah wajib memerhati, mengkaji dan mendalami keadaan golongan sasaran dakwahnya sebelum memulakan operasi dakwahnya. Menurut Mohamad Abu Bakar,<sup>24</sup> sepanjang pemerhatiannya terhadap kepincangan proses islamisasi sosial di Malaysia, beliau merasakan kurangnya langkah-langkah

dan kaedah-kaedah yang lebih sistematik dan berkesan bagi mengatasi masalah dan penyakit sosial adalah punca kepada kepincangan tersebut. Pergerakan-pergerakan bukan Islam atau yang beroperasi bukan atas nama Islam, nampaknya lebih aktif mengadakan usaha-usaha mengatasi masalah-masalah kemiskinan, pengangguran, keciciran, penyalahgunaan dadah dan kuasa, pelacuran dan seumpamanya. Manakala pertubuhan dan badan Islam mempunyai rekod yang lebih baik dalam kerja-kerja sosial melibatkan golongan lebih berjaya seperti penyediaan taman didikan kanak-kanak.

Ringkasnya bidang kerja sosial sama ada dilibati secara sukarela, sambilan atau sepenuh masa merupakan suatu bidang perkhidmatan yang berhadapan dengan pelbagai dugaan, cabaran dan risiko yang pasti juga memerlukan persediaan dan bekalan fizikal dan mental yang terancang dan berkesan.

## Ilmu dan Nilai Kejayaan Dalam Kerja Sosial

Kejayaan merupakan tumpuan sasaran manusia di dalam setiap kerja atau usahanya. Setiap orang yang berusaha, bekerja dan beramal pasti mengharapkan kejayaan. Kejayaan terhasil daripada kesungguhan dan ketekunan seseorang.<sup>25</sup>

Islam menitikberatkan ketekunan dan kemahiran, kecekapan dan kecemerlangan, kebenaran, keadilan, amanah, kesederhanaan, keseimbangan, perkumpulan, perundingan dan juga komitmen dalam melaksanakan sebarang tugas dan tanggungjawab.<sup>26</sup>

Oleh kerana itu, Rasulullah s.a.w pernah menerangkan bahawa Allah S.W.T amat suka melihat apabila sesuatu pekerjaan itu dilakukan dengan tekun, serius, bersungguh-sungguh, cukup dengan segala ikhtiar dan kemahiran. Sekiranya usaha kita itu telah dilaksanakan dengan penuh azam dan bersungguh-sungguh kita harus memperoleh kejayaan dengan izin Allah S.W.T. Dalam konteks ini, Rasulullah s.a.w pernah bersabda:

*“Sesungguhnya Allah S.W.T sangat suka (bahkan cinta) kepada seseorang kamu, apabila melakukan sesuatu, melakukannya dengan penuh ketekunan dan kemahiran”*.<sup>27</sup>

Orang yang berjaya ialah orang yang selamat mencapai cita-cita dan kebaikan<sup>28</sup> secara serentak. Penentuan kejayaan bukan hanya berdasarkan kejayaan memenuhi cita-cita tetapi lebih jauh daripada itu kejayaan yang membawa kebaikan kepada semua.

Konsep kejayaan yang dituntut oleh Islam ialah kejayaan yang bersifat kolektif tetapi bermula dengan pembentukan sahsiah individu terlebih dahulu; iaitu kejayaan menjadikan dirinya manusia yang beriman, melaksanakan pekerjaan dengan tekun, meninggalkan perkara yang melalaikan, mencintai, menyayangi dan menunaikan hak orang lain, memiliki kecenderungan sosial, memelihara kerakusan nafsu dan keinginan serta memelihara amanah dan janji. Konsep kejayaan ini digambarkan oleh Allah S.W.T menerusi firman-Nya:

*“Sesungguhnya mendapat kejayaanlah orang-orang yang beriman\* (iaitu) orang-orang yang khusyu’ dalam sembahyang mereka\* dan orang-orang yang menjauhkan diri dari (perbuatan dan perkataan) yang tidak berguna\* dan orang-orang yang menunaikan zakat\* dan orang-orang yang menjaga kemaluan mereka\* kecuali terhadap isteri-isteri mereka atau hamba yang mereka miliki; maka sesungguhnya mereka dalam hal ini tiada tercela.\* Barangsiapa mencari di sebalik itu maka mereka itulah orang-orang yang melampaui batas\* dan orang-orang yang memelihara amanah-amanah dan janji mereka\* dan orang-orang yang memelihara sembahyang mereka.\* Mereka itulah orang-orang yang akan mewarisi\* (Yakni) yang akan mewarisi syurga Firdaus, mereka kekal di dalamnya”*.<sup>29</sup>

Demikianlah dalam konteks kejayaan kerja sosial, Islam melihat kejayaan tersebut sebagai kejayaan yang memberi faedah, manfaat dan kebaikan kepada individu dan masyarakat. Dalam hubungan ini, Islam telah menetapkan syarat-syarat bagi mencapai kejayaan tersebut. Antara syarat utamanya ialah mempunyai ilmu dan kebolehan yang diperlukan oleh kerja tersebut.

## PENUTUP

Institusi ilmu Islam ternyata sebuah institusi yang mantap dari segi sistem nilai, hierarki, fizikal dan spiritualnya kerana bersumberkan gagasan ilmu wahyu dan ilmu akal manusia. Kemantapan ini diperkukuhkan lagi oleh idealisme Islam sebagai *ad-din* yang menjadikan ilmu sebagai budaya dalam kehidupan.

Prinsip asas yang memungkinkan pembinaan institusi, budaya dan tamadun ilmu yang bersepadu ialah konsep dan realiti Tuhan, konsep manusia dan konsep alam semesta.<sup>31</sup> Ketiga-tiga perkara ini meninggalkan implikasi besar terhadap konsep, tujuan, sumber dan pembangunan sosial manusia amnya dan tidak terkecuali bidang kerja sosial yang menjadi premis kajian ini.

Keupayaan institusi ilmu Islam menyediakan ruang disiplin ilmu yang cukup luas membuka peluang kepada bidang kerja sosial untuk menjadikan institusi ini sebagai institusi yang terpenting dalam pembentukan falsafah, proses, teori dan praktikalnya. Tulisan ini telah memaparkan bagaimana ilmu mempunyai nilai dan pengaruh yang cukup besar terhadap keempat-empat dasar kerja sosial<sup>32</sup> iaitu kandungan, aktivis, sasaran dan metodologi kerja sosial.

## NOTA HUJUNG

<sup>1</sup> Hasan Langgulung 1991. *Asas-asas Pendidikan Islam*, cetakan pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 112.

<sup>2</sup> Wan Mohd. Nor Wan Daud 1991. *Penjelasan Budaya Ilmu*, cetakan pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 34.

<sup>3</sup> Hasan Langgulung, *op.cit.*, hal. 120.

<sup>4</sup> *Ibid.*, hal. 121.

<sup>5</sup> *Ibid.*, hal. 122.

<sup>6</sup> Wan Mohd. Nor Wan Daud, *op. cit.*, hal. 25.

<sup>7</sup> Abdul Rahman Nawas, Nawawee Mohammad, Omardin Haji Ashaari dan Arip Saaya 1995. *Tamadun Islam*, cetakan pertama. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid, hal. 160.

<sup>8</sup> Surah al-Isra' ayat 36.

<sup>9</sup> Surah al-Zumar ayat 9.

<sup>10</sup> Surah al-Mujadilah ayat 11.

- <sup>11</sup> Surah al-Imran ayat 18.
- <sup>12</sup> Surah al-Rum ayat 59.
- <sup>13</sup> Surah al-Baqarah ayat 159-160.
- <sup>14</sup> Wan Mohd. Nor Wan Daud, *op. cit.*, hal. 56.
- <sup>15</sup> *Ibid.*, hal. 39.
- <sup>16</sup> Abdul Monir Yaacob 1994. "Ilmu Sebagai Teras Keunggulan Ummah", dalam Ismail Hj. Ibrahim dan Mohd. Sahri Abdul Rahman (ed.) *Ilmu dan Kecemerlangan dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM., hal. 49.
- <sup>17</sup> Hamka 1981. *Prinsip dan Kebijakan Dakwah Islam*, cetakan pertama. Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru, hal. 240.
- <sup>18</sup> 'Abd al-Karim Zaidan 1987. *Usul al-Da'wat*, cetakan ketiga. Al-Man-surah: Dar al-Wafa', hal. 5.
- <sup>19</sup> Abdullah Siddik 1980. *Islam dan Ilmu Pengetahuan*, cetakan pertama (edisi kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 216.
- <sup>20</sup> 'Abdul Karim Zaidan, *op. cit.*, hal. 326.
- <sup>21</sup> Wan Hussein Azmi 1988. *Panduan Dakwah Islamiah*, cetakan pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 4.
- <sup>22</sup> Mohamad Abu Bakar 1993. "Selepas Kebangkitan Semula Islam? Peng-islaman dan Pendakwaan Masa Kini: Satu Overview" dalam *Gerakan Dakwah dan Orde Islam di Malaysia: Strategi Masa Depan*, cetakan pertama. Petaling Jaya: ABIM, hal. 25.
- <sup>23</sup> Muhammad Said Ramadan al-Butty 1997. *Rahsia Dakwah Yang Berkesan*, (terjemahan), cetakan pertama. Batu Caves: Pustaka Ilmi, hal. 73.
- <sup>24</sup> Mohamad Abu Bakar, *op.cit*, 25.
- <sup>25</sup> Abdul Rahman Nawas, Nawawee Mohammad, Omardin Haji Ashaari dan Arip Saaya, *op. cit.*, hal. 259.
- <sup>26</sup> Syed Othman Alhabshi 1994. "Islam Sebagai Rangsangan terhadap Prestasi Kerja", dalam Ismail Hj. Ibrahim dan Mohd. Sahri Abdul Rahman (ed.) *Ilmu dan Kecemerlangan dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM., hal. 125.
- <sup>27</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Baihaqiy. . . . .
- <sup>28</sup> Abdul Rahman Nawas, Nawawee Mohammad, Omardin Haji Ashaari dan Arip Saaya, *op. cit.*, hal. 259.
- <sup>29</sup> Surah al-Mukminun ayat 1-11.
- <sup>30</sup> Hasan Langgung 1979. *Pendidikan Islam: Suatu Analisa Sosio-Psiko-logikal*, cetakan pertama. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, hal. 163.
- <sup>31</sup> Wan Mohd. Nor Wan Daud, *op. cit.*, hal. 55.
- <sup>32</sup> Pembahagian keempat-empat dasar kerja tersebut adalah berdasarkan pemahaman penulis; dengan menggarap empat dasar dakwah yang di-

PENGENALAN KERJA SOSIAL: ARTIKEL-ARTIKEL PILIHAN

perkenalkan oleh 'Abdul Karim Zaidan, *op. cit.*, hal. 5, sambil menganggap kerja sosial sebagai satu aspek aplikasi dakwah.